



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE COUNCIL

**PANDUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN DOKUMEN BAGI TUJUAN
PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA
GUIDE ON APPLICATION FOR DOCUMENT EXEMPTION FOR THE PURPOSE OF
TEMPORARY PRACTISING CERTIFICATE APPLICATION**

- (i) Mesyuarat Majlis PT&K Bil. 4/2022 yang diadakan pada 5 Oktober 2022 mengambil maklum berkenaan isu pengamal PT&K warga asing bukan pemastautin tetap yang telah lama menetap di dalam negara, yang tidak dapat mengemukakan tiga dokumen seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K bagi tujuan permohonan untuk Perakuan Pengamalan Sementara, seperti berikut: -
- The T&CM Council Meeting No.4/2022 held on 5 October 2022 has taken note of the issue of foreign T&CM practitioners who are not permanent residents but who have resided in the country for a long period of time and are unable to provide three documents as required by the T&CM Council for the purpose of Temporary Practising Certificate application, as follows: -*
- (a) Salinan sijil pendaftaran dan sijil amalan daripada negara di mana pemohon mengamal sebelum ini
Copy of registration certificate and practicing certificate from the country where the applicant last practised
 - (b) Surat Kelakuan Baik Semasa daripada badan pengawalseliaan yang berkenaan di negara pengamal mengamal sebelum ini
Current Letter of Good Standing from the relevant regulatory authority in the country the applicant last practised
 - (c) Pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun bekerja dalam bidang amalan diiktiraf yang dipohon diambil kira dari tarikh sijil kelayakan atau tarikh sijil pendaftaran/ sijil amalan, mana-mana yang kemudian
Working experience of at least 5 years in the relevant recognised practice area calculated from the date of the qualification certificate or date of registration/ practising certificate, whichever is later
- (ii) Majlis PT&K telah bersetuju untuk memberikan pengecualian kepada pengamal PT&K warga asing bukan pemastautin tetap yang telah lama menetap di dalam negara* yang memenuhi syarat daripada keperluan mengemukakan tiga dokumen seperti di perkara (i).
The T&CM Council has agreed to exempt foreign T&CM practitioners who are not permanent residents but who have resided in the country for a long period of time and who meet the criteria, from the requirement of having to submit the documents as specified in item (i).*

(iii) Syarat pengecualian adalah seperti berikut: -

The criteria for exemption are as follows: -

- (a) Pengamal PT&K warga asing merupakan graduan baharu (*fresh graduate*) yang telah lulus pengajian dalam bidang PT&K yang berkaitan daripada institusi/ program pengajian tinggi dalam negara yang diiktiraf oleh Majlis PT&K sahaja, dan perlu –

The foreign T&CM practitioner is a fresh graduate with a qualification in T&CM from a local higher education institution/ programme that has been recognized by the T&CM Council and is required to –

- mengemukakan surat pengesahan sebagai mahasiswa/ mahasiswi sepenuh masa daripada institusi pengajian tinggi tersebut yang ditandatangani oleh dekan fakulti yang berkaitan atau pengurusan tertinggi institusi tersebut atau setaraf dengannya, dan –
submit a letter of confirmation as a bona fide full time student from the higher education institution and signed by the dean of relevant faculty or member of higher management or equivalent of the institution, and –
- mengemukakan salinan kad pelajar institusi tersebut yang diperakui sah**.
*submit a certified true copy** of the student identification card from the institution.*

dan/ and;

- (b) Pengamal PT&K warga asing pernah belajar di peringkat pra-universiti atau sekolah menengah atau setaraf dengannya di Malaysia sekurang-kurangnya untuk tempoh 2 tahun secara keseluruhan sebelum melanjutkan pengajian tinggi seperti yang dijelaskan di perkara (iii) (a), dan perlu –

The foreign T&CM practitioner has studied in Malaysia at the pre-university or secondary school level or equivalent for at least 2 years in total before enrolling in a higher education program referred to in (iii) (a), and is required to –

- mengemukakan surat pengesahan sebagai pelajar daripada pihak institusi/ sekolah berkenaan yang ditandatangani pengetua atau pengurusan tertinggi institusi/ sekolah tersebut atau setaraf dengannya, dan –
submit a letter of confirmation as a student from the relevant institution/ school signed by the principal or member of higher management or equivalent of the institution/ school, and –
- mengemukakan salinan sijil pengesahan tamat belajar daripada pihak institusi/ sekolah berkenaan yang diperakui sah**, dan –
*submit a certified true copy** of testimonial/ certificate of completion of studies from the relevant institution/ school, and –*
- mengemukakan salinan keputusan peperiksaan pra-universiti atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya yang diperakui sah**.
*submit a certified true copy** of pre-university examination result or Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ equivalent examination result*

dan/ and;

- (c) Pengamal PT&K warga asing tersebut perlu memanjangkan dokumen perjalanan imigresen yang sah sebagai warga asing bukan pemastautin tetap yang telah lama menetap di Malaysia, dengan –
The foreign T&CM practitioner must provide valid travel documentation as a non-permanent resident who has resided in the country for a long period of time, and is required to –
- mengemukakan salinan pasport milik sendiri yang mengandungi maklumat biometrik serta pas/ visa/ permit kemasukan ke dalam negara yang diperakui sah**, dan –
*submit a certified true copy** of own passport which includes biometric information as well as pass/ visa/ entry permit into the country, and –*
 - mengemukakan salinan pasport yang mengandungi maklumat biometrik serta pas/ visa/ permit kemasukan ke dalam negara milik ibu atau bapa atau penjaga yang sah yang diperakui sah**.
*submit a certified true copy** of passport belonging to the applicant's father or mother or legal guardian which includes biometric information as well as pass/ visa/ entry permit into the country.*

dan/ and;

- (d) Pengamal PT&K warga asing tersebut perlu mengemukakan Surat Akuan Bersumpah/ Akuan Berkanun untuk mengesahkan status perhubungan ibu atau bapa atau penjaga yang sah kepada pengamal PT&K warga asing tersebut.
The foreign T&CM practitioner is required to submit a Statutory Declaration confirming the relationship status of applicant's father or mother or legal guardian to the foreign T&CM practitioner.

dan/ and;

- (e) Pengamal PT&K warga asing tersebut perlu mengemukakan surat permohonan rasmi kepada Setiausaha Majlis PT&K untuk memohon pengecualian dokumen seperti di perkara (i) bersama-sama dengan dokumen pendaftaran lain termasuk dokumen pembayaran fi sewaktu membuat permohonan untuk Perakuan Pengamalan Sementara ([sila muat turun borang di sini](#)).
The foreign T&CM practitioner is required to submit a formal letter addressed to the Secretary of the T&CM Council to apply for exemption of documents as in item (i) along with the other registration documents including the fee payment document upon submission of application for Temporary Practising Certificate ([please download the form here](#))

dan/ and;

- (f) Pengamal PT&K warga asing tersebut mestilah bukan seorang Pemastautin Tetap Malaysia.

The foreign T&CM practitioner must not be a Malaysian Permanent Resident.

- (iv) Mana-mana pengamal PT&K warga asing yang tidak memenuhi semua syarat pengecualian sebagai pengamal PT&K warga asing bukan pemastautin tetap yang telah lama menetap di dalam negara tetapi memohon untuk dikecualikan daripada mengemukakan tiga dokumen seperti di perkara (i), permohonan mereka tidak akan dipertimbangkan. Pengamal PT&K warga asing tersebut perlu melalui proses permohonan untuk Perakuan Pengamalan Sementara seperti yang diperuntukkan dalam [Garis Panduan Pendaftaran Pengamal PT&K Warga Asing](#).

Any foreign T&CM practitioner who does not meet all the exemption criteria as a non-permanent resident T&CM practitioner who has resided in the country for a long period of time but applies to be exempted from providing the three documents as stated in item (i), their application shall not be considered. That foreign T&CM practitioner has to undergo the normal application process for a Temporary Practising Certificate as provided for in the [Registration Guideline For Foreign Traditional And Complementary \(T&CM\) Practitioners](#).

- (v) Sila rujuk Senarai Semak Permohonan Pengecualian Dokumen Bagi Tujuan Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Sementara.

Kindly refer to the Checklist for Document Exemption Application for The Purpose of Temporary Practising Certificate Application.

NOTAI NOTES:

* Suatu tempoh yang tidak kurang daripada 7 tahun dengan mengambil kira syarat (iii)(b) dan juga tempoh pembelajaran ijazah sarjana muda dalam bidang PT&K untuk sekurang-kurangnya 5 tahun.
A period of not less than 7 years taking into account the condition stated in (iii)(b) as well as the duration of an undergraduate T&CM programme of at least 5 years.

** Setiap muka surat daripada salinan dokumen yang dikemukakan (termasuklah passport) harus ditandatangani dan disahkan benar oleh salah seorang daripada berikut:
Every page of the copies of documents submitted (including the passport) shall be signed and certified true by one of the following:

- a) Peguam bela dan peguam cara/ *Advocates and solicitors;*
- b) Pesuruhjaya sumpah/ *Commissioner of Oaths;*
- c) Notari awam/ *Public Notary;*
- d) Pegawai kedutaan atau konsulat yang memegang jawatan pentadbiran atau profesional/ *Embassy or Consulate officials holding an administrative or professional post;*
- e) Jaksa Pendamai/ *Justice of Peace.*

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGECUALIAN DOKUMEN BAGI TUJUAN PERMOHONAN
UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA
CHECKLIST FOR DOCUMENT EXEMPTION APPLICATION FOR THE PURPOSE OF TEMPORARY
PRACTISING CERTIFICATE APPLICATION**

No. No.	Dokumen Document	Tandakan (✓) Tick (✓)
1.	Surat pengesahan sebagai mahasiswa/ mahasiswi sepenuh masa daripada institusi/ program pengajian tinggi diiktiraf oleh Majlis PT&K yang ditandatangani oleh dekan fakulti yang berkaitan atau pengurusan tertinggi institusi tersebut atau setaraf dengannya <i>Letter of confirmation as a bona fide full time student of the higher education institution/ programme recognized by the T&CM Council and signed by the dean of the relevant faculty or member of higher management or equivalent of the institution</i>	
2.	Salinan kad pelajar sebagai mahasiswa/ mahasiswi dari IPT tempatan tersebut yang diperakui sah* <i>A certified true copy* of the student identification card from the relevant institution</i>	
3.	Surat pengesahan sebagai pelajar daripada pihak institusi/ sekolah berkenaan yang ditandatangani oleh pengetua atau pengurusan tertinggi institusi/ sekolah tersebut atau setaraf dengannya (Pra-Universiti/ Sekolah Menengah) <i>Letter of confirmation as a student from the relevant institution/ school signed by the principal or member of higher management or equivalent of the institution/ school (Pre-University/Secondary School)</i>	
4.	Salinan sijil pengesahan tamat belajar daripada pihak institusi/ sekolah berkenaan yang diperakui sah* (Pra-Universiti/ Sekolah Menengah) <i>A certified true copy* of testimonial/ certificate of completion of studies from the relevant institution/ school (Pre-University/Secondary School)</i>	
5.	Salinan keputusan pra-universiti atau sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya yang diperakui sah.* <i>A certified true copy* of pre-university examination result or Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ equivalent examination result.</i>	
6.	Salinan passport milik sendiri yang mengandungi maklumat biometrik serta pas/ visa/ permit kemasukan ke dalam negara yang diperakui sah.* <i>A certified true copy* of own passport which includes biometric information as well as pass/ visa/ entry permit into the country.</i>	
7.	Salinan passport yang mengandungi maklumat biometrik serta pas/ visa/ permit kemasukan ke dalam negara milik ibu atau bapa atau penjaga yang sah yang diperakui sah.* <i>A certified true copy* of passport belonging to applicant's father or mother or legal guardian which includes biometric information as well as pass/ visa/ entry permit into the country.</i>	
8.	Surat Akuan Bersumpah/ Akuan Berkanun bahawa individu yang dinyatakan dalam butiran no. 7 adalah ibu atau bapa atau penjaga yang sah kepada pengamal .	

No. No.	Dokumen Document	Tandakan (✓) Tick (✓)
	<i>Statutory Declaration that the individual as stated in item No. 7 is the applicant's father or mother or legal guardian.</i>	
9.	Surat permohonan rasmi kepada Setiausaha Majlis PT&K untuk memohon pengecualian dokumen tertentu bagi tujuan permohonan untuk Perakuan Pengamalan Sementara. <i>Formal letter addressed to the Secretary of the T&CM Council to apply for exemption of certain documents for the purpose of Temporary Practising Certificate application.</i>	

*** NOTAI NOTES:**

Setiap muka surat daripada salinan dokumen yang dikemukakan (termasuklah pasport) harus ditandatangani dan disahkan benar oleh salah seorang daripada berikut:

Every page of the copies of documents submitted (including the passport) shall be signed and certified true by one of the following:

- a) Peguam bela dan peguam cara/ *Advocates and solicitors;*
- b) Pesuruhjaya sumpah/ *Commissioner of Oaths;*
- c) Notari awam/ *Public Notary;*
- d) Pegawai kedutaan atau konsulat yang memegang jawatan pentadbiran atau profesional/ *Embassy or Consulate officials holding an administrative or professional post;*
- e) Jaksa Pendamai/ *Justice of Peace.*